Rancangan Klinik Jawi di Radio IKIMfm

# KAEDAH PEMBELAJARAN JAWI

## *Peringkat Asas*

HAJI AZMAN BIN HAJI AHMAD
Pembimbing Klinik Jawi di Radio IKIMfm

Rancangan Klinik Jawi di Radio IKIMfm

# KAEDAH PEMBELAJARAN JAWI

*Peringkat Asas*

# سمارق جاوي

# SEMARAK JAWI

Rancangan Klinik Jawi di Radio IKIMfm

# KAEDAH PEMBELAJARAN JAWI

## *Peringkat Asas*

HAJI AZMAN BIN HAJI AHMAD
Pembimbing Klinik Jawi di Radio IKIMfm

Perpustakaan Negara Malaysia
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan
Kuala Lumpur
2015

Diterbitkan oleh :
Perpustakaan Negara Malaysia
No. 232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur
Tel : 03-2687 1700
Faks : 03-2692 4079
Laman Web : www.pnm.gov.my

Cetakan Pertama 2014
Cetakan Kedua 2015

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin Perpustakaan Negara Malaysia terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Azman Haji Ahmad,
KAEDAH PEMBELAJARAN JAWI : PERINGKAT ASAS / Haji Azman bin Haji Ahmad.
Bibliography: pages 153
ISBN 978-967-931-260-7
1. Jawi alphabet--Problems, exercises, etc. I. Judul.
499.2311076

Dicetak di oleh :
Percetakan Mesbah Sdn. Bhd.
No. 11 Jalan Tun Perak 6
Taman Tun Perak
43200 Cheras Selangor
Tel: 03-9105 6473 Fax: 03-9105 6469
Email: p.mesbah@yahoo.com / p.mesbah2009@gmail.com

## Kandungan

**Prakata Ketua Pengarah PNM**

**Prakata Pengarah Pusat Media IKIM**

**Kata Pengantar**

**Nota Klinik Jawi**

| | | |
|---|---|---|
| Siri 1 | Mengenal Huruf Jawi | 1 |
| Siri Ke-2 | Huruf Gubalan Melayu | 4 |
| Siri Ke-3 | Mengenal Garis Duduk Huruf Jawi | 7 |
| Siri Ke-4 | Mengenal Sifat-sifat Huruf Jawi | 8 |
| Siri Ke-5 | Penyambungan/Perangkaian Huruf | 11 |
| Siri Ke-6 | Kelompok Huruf | 14 |
| Siri Ke-7 | Huruf Berumah | 17 |
| Siri Ke-8 | Huruf Di Hujung Kata | 19 |
| Siri Ke-9 | Mengenal Titik Huruf | 21 |
| Siri Ke-10 | Mengenal Letak Titik dan Duduk Huruf | 25 |
| Siri Ke-11 | Mengenal Tanda Baca | 28 |
| Siri Ke-12 | Kaedah Penomboran | 32 |
| Siri Ke-13 | Contoh-contoh Penomboran | 35 |
| Siri Ke-14 | Perlambangan Bunyi Vokal | 40 |
| Siri Ke-15 | Mengenal Suku Kata Terbuka | 42 |
| Siri Ke-16 | Mengenal Suku Kata Tertutup | 44 |
| Siri Ke-17 | Mengenal Vokal [e] Pepet | 46 |
| Siri Ke-18 | Perlambangan Bunyi Diftong [au] | 48 |
| Siri Ke-19 | Perlambangan Bunyi Diftong [ai] dan [oi] | 50 |
| Siri Ke-20 | Perlambangan Bunyi Konsonan | 53 |

| | | |
|---|---|---|
| Siri Ke-21 | Konsonan [K] | 56 |
| Siri Ke-22 | Sambungan Perlambangan Bunyi Konsonan | 58 |
| Siri Ke-23 | Padanan Huruf Konsonan Bagi Mengeja Kata Serapan Inggeris | 59 |
| Siri Ke-24 | Sambungan Padanan Huruf Konsonan Bagi Mengeja Kata Serapan | 60 |
| Siri Ke-25 | Sambungan Mengeja Kata Serapan Inggeris | 61 |
| Siri Ke-26 | Sambungan Mengeja Kata Serapan Inggeris | 62 |
| Siri Ke-27 | Mengenal Kata Dasar | 64 |
| Siri Ke-28 | Sambungan Mengenal Kata Dasar | 65 |
| Siri Ke-29 | Mengenal Kaedah Ekasuku | 67 |
| Siri Ke-30 | Mengenal Kaedah Dua Suku Kata | 69 |
| Siri Ke-31 | Kaedah _e/wa_ | 71 |
| Siri Ke-32 | Kaedah a/a + KT12 | 73 |
| Siri Ke-33 | Sambungan Kaedah a/a + KT12 | 74 |
| Siri Ke-34 | Sambungan Kaedah a/a + KT12 | 76 |
| Siri Ke-35 | Sambungan Kaedah a/a + KT12 | 78 |
| Siri Ke-36 | Lampau Kaedah a/a + KT12 | 79 |
| Siri Ke-37 | Lampau Kaedah a/a + KT12 | 81 |
| Siri Ke-38 | Cara untuk Mengatur atau Menambah Format Jawi | 82 |
| Siri Ke-39 | Jenis-jenis Ejaan | 93 |
| Siri Ke-40 | Ejaan Lazim | 94 |
| Siri Ke-41 | Hamzah Sisipan | 97 |

| | | |
|---|---|---|
| Siri Ke-42 | Ejaan Tradisi | 99 |
| Siri Ke-43 | Sisipan Huruf Vokal | 100 |
| Siri Ke-44 | Hukum *Derlung* | 101 |
| Siri Ke-45 | Hukum *KafGa* | 103 |
| Siri Ke-46 | Lampau Hukum *KafGa* | 105 |
| Siri Ke-47 | Sambungan Lampau Hukum *KafGa* | 106 |
| Siri Ke-48 | Hukum *Rama* | 107 |
| Siri Ke-49 | Hukum Tiga Suku Kata dan Lebih | 109 |
| Siri Ke-50 | Lampau Hukum Tiga Suku Kata dan Lebih | 110 |
| Siri Ke-51 | Lampau Hukum Tiga Suku Kata dan Lebih | 111 |
| Siri Ke-52 | Lampau Hukum Tiga Suku Kata dan Lebih | 112 |
| Siri Ke-53 | Hukum A/HA | 113 |
| Siri Ke-54 | Kata Jadian | 115 |
| Siri Ke-55 | Mengenal Kata Homograf | 117 |
| Siri Ke-56 | Sambungan Homograf | 118 |
| Siri Ke-57 | Alif Pembeza | 119 |
| Siri Ke-58 | Mengenal Kata Nama Terbitan | 122 |
| Siri Ke-59 | Jenis Kata Imbuhan | 123 |
| Siri Ke-60 | Sambungan Kata Imbuhan | 126 |
| Siri Ke-61 | Imbuhan Akhiran | 127 |
| Siri Ke-62 | Sambungan Kata Imbuhan | 128 |
| Siri Ke-63 | Sambungan Imbuhan Akhiran | 129 |
| Siri Ke-64 | Sambungan Imbuhan Akhiran | 130 |
| Siri Ke-65 | Sambungan Imbuhan Akhiran | 131 |
| Siri Ke-66 | Imbuhan Bagi Kata Dasar Akhiran Tertutup | 133 |
| Siri Ke-67 | Imbuhan Akhiran “i” | 135 |

| | | |
|---|---|---|
| Siri Ke-68 | Awalan Serapan | 137 |
| Siri Ke-69 | Sambungan Awalan Serapan | 138 |
| Siri Ke-70 | Sambungan Awalan Serapan | 139 |
| Siri Ke-71 | Rajah Ringkas Awalan Serapan | 140 |
| Siri Ke-72 | Sambungan Kaedah Awalan | 141 |
| Siri Ke-73 | Rajah Ringkas Awalan Serapan | 142 |
| Siri Ke-74 | Gabungan Kata | 144 |
| Siri Ke-75 | Sambungan Gabungan Kata | 145 |
| Siri Ke-76 | Sambungan Gabungan Kata | 146 |
| Siri Ke-77 | Kata Ganda | 148 |
| Siri Ke-78 | Kata Ganda Sebahagian | 149 |

Biodata 151

Bibliografi 153

## Prakata
### Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

بسم الله الرحمن الرحيم

Segala puji dan syukur dipanjatkan hanya kepada yang Esa kerana dengan izin-Nya dapat saya merakamkan sepatah dua kata dalam buku ‘Kaedah Pembelajaran Jawi Peringkat Asas’ ini.

Perpustakaan Negara Malaysia selaku urus setia peringkat kebangsaan Pembudayaan Tulisan Jawi, giat menjalankan pelbagai program dan aktiviti berasaskan Jawi semenjak tahun 2006. Semua program dan aktiviti ini dijalankan dengan hasrat menyemarak dan menyuburkan semula tulisan Jawi di Malaysia. Justeru bagi merealisasikan hasrat tersebut, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menjalinkan kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan mengadakan Bengkel Klinik Jawi mulai 2006 untuk kakitangan kerajaan dan orang awam.

Sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat untuk mendalami dan mempelajari tulisan Jawi semasa Bengkel Klinik Jawi, mendorong PNM membawa Klinik Jawi ke radio memandangkan kaedah penyiaran lebih berkesan dalam menarik minat masyarakat mempelajari tulisan Jawi. Oleh yang demikian, PNM telah menjalinkan kerjasama dengan Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIMfm) mulai 2 Jun 2012 dengan menyiarkan Rancangan Klinik Jawi di Radio IKIMfm yang bersiaran setiap Sabtu jam 10.00 pagi di bawah bimbingan Tuan Haji Azman bin Haji Ahmad.

Pegawai Perancang Bahasa daripada DBP. Selain bersiaran di Radio, PNM juga telah memuat naik nota-nota pembelajaran Jawi di laman sesawang PNM sebagai panduan kepada para pendengar radio.

Usaha berterusan PNM dalam menyebarkan tulisan Jawi dikembangkan lagi dengan menerbitkan nota-nota Klinik Jawi dalam bentuk penerbitan buku yang tersusun dan mudah diikuti. Jutaan terima kasih saya kepada Tuan Haji Azman Haji Ahmad, selaku pengarang buku atas usaha yang bersungguh-sungguh bersama PNM membimbing masyarakat mempelajari kaedah tulisan Jawi yang sukar didapati di pasaran. Moga usaha ini akan menjadi galakan kepada penerbit-penerbit buku mengambil langkah yang sama dalam membudaya dan memartabatkan tulisan Jawi di Malaysia.

**HAJAH NAFISAH BT AHMAD**
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

# Prakata
## Pengarah Pusat Media IKIM

بسم الله الرحمن الرحيم

Sekalung ucapan tahniah kepada pihak Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) atas penerbitan buku 'Kaedah Pembelajaran Jawi Peringkat Asas'. Buku ini ditulis semula oleh Tuan Haji Azman bin Haji Ahmad selaku Pembimbing Rancangan Klinik Jawi yang telah ke udara di IKIMfm bersama penyampai IKIMfm, Deejay Suffian Amrin selama enam musim, sejak 2 Jun 2012 hingga 30 November 2013.

Pihak PNM dengan kerjasama DBP telah mengambil langkah strategik dengan memilih penyiaran radio khususnya IKIMfm sebagai medium untuk menyemarakkan semula pembudayaan tulisan Jawi di Malaysia. Selaras dengan matlamat penubuhan IKIMfm iaitu 'Mendidik, Menghibur dan Memberi Maklumat', IKIMfm sentiasa berusaha menyiarkan program-program yang memenuhi matlamat ini.

Pada awalnya saya agak ragu-ragu dengan cadangan penerbitan rancangan ini, namun setelah rancangan ini bersiaran hampir dua tahun, ternyata ia amat menarik dan telah mampu meningkatkan pendengar IKIMfm setiap musim bersiaran. Kekuatan rancangan ini pada hemat saya terletak pada kepetahan dan pendekatan santai Tuan Haji Azman dan Deejay Suffian.

Selain itu, penerbitan program Klinik Jawi di IKIMfm menyediakan ruang kepada masyarakat mengikuti sesi

pembelajaran Jawi secara tidak formal dan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kaedah pembelajaran tulisan Jawi yang disempurnakan oleh DBP.

Siaran pertama program Klinik Jawi yang telah ke udara pada Sabtu, 2 Jun 2012 telah mendapat maklum balas positif daripada pendengar IKIMfm sepanjang enam musim penerbitannya kerana ia merupakan salah satu platform untuk mendidik masyarakat mengenali dan mempelajari tulisan Jawi secara santai.

Bagi pihak IKIMfm, saya menghargai usaha untuk menyebarluaskan kaedah pembelajaran Jawi oleh PNM dengan menerbitkan kembali siri pembelajaran menerusi buku ini dan seterusnya dapat dimanfaatkan oleh orang ramai untuk menyemai rasa cinta kepada penulisan dan pembacaan Jawi yang secara tidak langsung menjadikan mereka celik al-Quran.

Sekali lagi, ucapan tahniah kepada PNM, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, dan DBP atas usaha menjayakan program Klinik Jawi di IKIMfm. Tidak ketinggalan, pengendali rancangan Ustaz Haji Azman dan Deejay Suffian Amrin.

Saya doakan melalui usaha ini masyarakat kita akan semakin celik Jawi dan sekali gus Celik al-Quran, insya-Allah.

**DR. NIK ROSKIMAN BIN ABDUL SAMAD**
Pengarah Pusat Media IKIM
Institut Kefahaman Islam Malaysia

# Pendahuluan

بسم الله الرحمن الرحيم

Manfaat media massa seperti televisyen, radio, surat khabar, majalah, laman sesawang dan sebagainya diakui dapat menyampaikan proses pengajaran pembelajaran Jawi secara lebih dekat kepada khalayak malah mampu merentas sempadan geografi.

Pembelajaran Jawi menerusi radio merupakan pengalaman baru bagi saya. Tanpa teks, tanpa grafik atau skrin malah hanya berbekalkan audio, sebenarnya memerlukan kreativiti yang tinggi untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran kepada masyarakat terutamanya para pendengar radio.

Syukur Alhamdulillah menerusi kerjasama pintar antara Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIMfm), pada 2 Jun 2013 Rancangan *Klinik Jawi* di Radio IKIMfm telah bersiaran pada setiap hari Sabtu, jam 10.00 pagi dengan dibantu oleh rakan belajar Deejay Suffian bin Amrin, penyampai radio IKIMfm sendiri. Siaran ulangannya pula pada setiap hari Ahad jam 10.00 malam.

Dalam tempoh lima dekad negara kita merdeka, medium elektronik terutamanya televisyen, baik milik kerajaan mahupun swasta di negara ini sedikit sangat membantu menyemarakkan apatah lagi memperkukuhkan tulisan Jawi sebagai wahana

pembelajaran. Program pertama yang datang dari gedung rancangan RTM ialah Belajar Tulisan Jawi yang pernah bersiaran pada 1976-1977 di saluran satu dan dua RTM. Pada tahun 1995 barulah muncul sebuah lagi program lain iaitu Belajar Jawi. Itu pun setelah RTM mewujudkan Unit Agama dan Dakwah (UAD). Program Belajar Jawi hanya bertahan setahun sahaja. Kerjasama RTM - JAKIM diteruskan dengan mewujudkan program Pandai Jawi, yang disiarkan di TV1 oleh Muhammad @ Mukhtar Talib (Matlob) pada tahun 1996-1997. 14 tahun berikutnya barulah program pengajaran tulisan Jawi dibawa ke khalayak semula oleh TV9 di bawah syarikat swasta Media Prima.

Bagi saya, Rancangan Klinik Jawi di Radio IKIMfm mencatat sejarah penting dalam dunia penyiaran negara. Dalam tempoh yang terhad antara 15-30 minit bersiaran ke udara, meramukan tajuk yang mahu dibincang dengan latihan serta meraikan panggilan telefon daripada pendengar sedikit melelahkan. Oleh yang demikian, setiap kali bersiaran, nota-nota pembelajaran Klinik Jawi di muat naik ke laman sesawang PNM sebagai panduan kepada para pendengar radio. Selain menjadi rujukan kepada pendengar yang terlepas mengikuti siarannya, nota-nota pembelajaran Klinik Jawi menjadi pusat sehenti kepada khalayak untuk membuat rujukan dengan kadar capaian yang tinggi setiap bulan.

Tajuk yang disampaikan telah disusun menggunakan modul khusus menerusi Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD). Ramai yang tidak mengetahui bahawa sistem ejaan Jawi Za’ba tetap terus menjadi asas dan dasar kepada sistem ejaan Jawi terkini yang disempurnakan. Persepsi yang salah terhadap usaha-usaha pemodenan sistem ejaan Jawi ini dapat

dijelaskan dengan baik. Suatu yang lumrah apabila timbulnya perbezaan pendapat dalam kalangan segelintir pihak. Kadang-kadang pokok pangkalnya berpunca kerana kegagalan mereka memahami sistem ejaan Jawi itu sendiri.

Apa pun, ketika tulisan Jawi hari ini semakin terperosok, ranting-ranting kecil ini harus segera dicantas agar batangnya kelak tegap subur menopang ribut globalisasi dan daunnya hijau merimbun meneduhkan agama, bahasa, bangsa dan negara tercinta.

Semoga selepas ini peranan media massa terutamanya medium yang lebih luas capaiannya seperti televisyen boleh membantu menyemarakkan minat masyarakat Malaysia kepada tulisan Jawi.

**HAJI AZMAN HAJI AHMAD**
Pembimbing Klinik Jawi
2012 - 2013

Nota Klinik Jawi
Semarak Jawi, Semarak Jati Diri

## SIRI 1

### Mengenal Huruf Jawi

#### Huruf Arab

Menurut Khalil bin Ahmad[1] dan ulama nahu seperti Ibn al-Jazari, ada 28 huruf Arab. Berikut ialah kelompok huruf yang disusun mengikut bentuk huruf (hijaiyah) iaitu seperti yang berikut:

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| خ | ح | ج | ث | ت | ب | ء |
| ص | ش | س | ز | ر | ذ | د |
| ق | ف | غ | ع | ظ | ط | ض |
| ي | ه | و | ن | م | ل | ك |

[1] Abu Abdurrahman, al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi (718-791) atau lebih dikenali sebagai al-Farahidi, merupakan salah seorang pakar ilmu filologi dan leksikografi bahasa Arab. Beliau tokoh yang pertama menjumpai aturan prosodi, yang merupakan satu seni ciptaannya. Beliau meletakkan asas bahasa dalam bukunya "al-'Ain".

Perhatikan huruf hamzah dalam kelompok huruf Arab di atas. Hamzah merupakan huruf yang pertama dalam huruf hijaiyah jika disusun mengikut makhraj. Pada peringkat awal, huruf hamzah tidak mempunyai lambang tertentu sehinggalah al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi meletakkan lambang kepala huruf ain disebabkan makhraj kedua-dua huruf berhampiran.

## Huruf Jawi

Berasaskan Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi – Sebutan – Jawi, Edisi Kedua, abjad Jawi dalam bentuk tunggal terdiri daripada 37 huruf seperti yang berikut:

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| ح | چ | ج | ث | ة | ت | ب | ا |
| ص | ش | س | ز | ر | ذ | د | خ |
| ڤ | ف | ڠ | غ | ع | ظ | ط | ض |
| ۏ | و | ن | م | ق | ݢ | ک | ل |
| | | | ڽ | ى | ي | ء | ه |

## Huruf Jawi Aturan Za’ba

Huruf Jawi yang disusun oleh Za’ba dalam bentuk tunggal terdiri daripada 33 huruf seperti yang berikut:

ا ب ت ث ج چ ح

خ د ذ ر ز س ش

ص ض ط ظ ع غ ڠ

ف ڤ ق ک ݢ ل م

ن و ه ي ڽ

Selain jumlah bilangan huruf Jawinya yang berbeza, perhatikan juga bentuk huruf kaf dan ga yang berbeza bentuknya dengan huruf kaf dan ga pada hari ini. Bentuk asalnya seperti yang berikut:





**SIRI KE-2**

## Huruf Gubalan Melayu

Ada enam huruf gubalan Melayu. Huruf ini dicipta bagi melambangkan bunyi konsonan Melayu jati dengan meminjam bentuk huruf Arab yang diubah suai tanda titiknya seperti yang berikut:

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| ڽ | ۏ | ݢ | ڤ | ڠ | چ |
| ny | v | g | p | ng | c |

Perhatikan kedudukan susunan huruf gubalan Melayu di bawah supaya tidak tersalah meletakkan kedudukannya berasaskan bentuk huruf dan titik.

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| خ | ح | ج | ث | ة | ت | ب | ا |
| ص | ش | س | ز | ر | ذ | د | چ |
| ڤ | ف | ڠ | غ | ع | ظ | ط | ض |

ل ک ݢ ق م ن و ۏ

ه ء ي ى ث

## Beza Bentuk Huruf Kaf

Perhatikan perbezaan antara huruf “kaf” Arab dengan huruf “kaf” Jawi. Huruf kaf Arab datang bersama-samanya bentuk huruf kaf bertangkai di perutnya, manakala huruf kaf Jawi mempunyai tangkai tanpa kaf kecil seperti yang berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| ک | Jawi | ك | Arab |

## Kedudukan Titik Huruf “Nya”

Soalan yang sering ditanya oleh pengamal Jawi ialah kenapa huruf “nya” tidak datang selepas huruf ‘nun’ tetapi diletakkan pada kedudukan yang terakhir?

Sebenarnya, huruf “nya” merupakan huruf yang istimewa. Bayangkan, satu tajuk khusus diperlukan untuk memahamkan huruf “nya” sahaja.

Perhatikan kedudukan huruf 'nya' yang berubah ketika tunggal, di pangkal kata, di tengah dan di akhir seperti yang berikut:

Di pangkal kata, titiknya **di bawah**

| | | |
|---|---|---|
| ڽاريڠ | ڽوڽا | ڽاڽي |

Di tengah kata, titiknya **di bawah**

| | | |
|---|---|---|
| باڽق | لڽڤ | سڽڤ |

Di akhir kata dan huruf tunggal, titiknya **di atas**

| | | |
|---|---|---|
| هاڽ | تاڽ | ڤسنڽ |

SIRI KE-3

## Mengenal Garis Duduk Huruf Jawi

Mengenal garis duduk sesuatu huruf akan membantu kita menulis, membentuk dan menyambung huruf Jawi dengan baik. Sebelum menulis, elok kita membayangkan satu garis dasar, tiga garis atas dan dua garis bawah seperti yang berikut:



SIRI KE-4

## Mengenal Sifat-sifat Huruf Jawi

Sifat atau bentuk huruf Jawi ini dibentuk secara tunggal. Adakalanya huruf Jawi ini ditulis secara berangkai dengan huruf lain, maka sifat atau bentuknya akan mengalami perubahan seperti yang berikut:

| Bil. | Kelompok Huruf | Sifat Huruf |
|---|---|---|
| 1 | ا ، ل | Huruf bertiang |
| 2 | ب، ت، ث | Huruf terbaring (bertapak datar tanpa kepala) |
| 3 | ج، چ، ح، خ | Huruf berkepala tirus |
| 4 | د، ذ | Huruf bersiku |
| 5 | ر، ز | Huruf berekor tanpa kepala |
| 6 | س، ش | Huruf bergerigis (bergigi) |
| 7 | ص، ض | Huruf bergigi berperut kempis |
| 8 | ط، ظ | Huruf bertiang dan berperut |
| 9 | ع، غ، ڠ | Huruf kepala menganga dan pipih |

| | | |
|---|---|---|
| 10 | ف، ڤ | Huruf berkepala dan bertapak datar |
| 11 | ق | Huruf berkepala dan bertapak lengkung |
| 12 | ک، ݢ | Huruf tegak dan bertangkai |
| 13 | م | Huruf berekor dan berkepala |
| 14 | ن، ي، ى، ڽ | Huruf bertapak lengkung tanpa kepala |
| 15 | و، ۏ | Huruf berekor dan berkepala |
| 16 | ه، ة | Huruf berperut tanpa gigi |
| 17 | ء | Huruf berumah |

Sebutan Huruf Jawi

Kaitan yang rapat antara huruf-huruf Jawi dengan huruf-huruf al-Quran tidak boleh dipisahkan. Oleh yang demikian huruf-huruf Jawi hendaklah dibunyikan seperti skrip Arab. Kesalahan kerap berlaku apabila pengamal Jawi gagal membezakan antara sebutan untuk huruf dengan bunyi huruf yang berbaris.

Kesalahan juga berlaku apabila huruf-huruf bertiang dianggap sebagai huruf mad seperti huruf "ط" dan "ظ". Tiang di atas huruf tersebut bukanlah huruf alif. Dalam al-Quran

huruf ini tidak dibaca dengan mad. Perkataan seperti ‘بطل’ dan ‘طلاق’ tidak dibaca dengan panjang.

Rangkaian Huruf Bersambung

Perhatikan rangkaian huruf Jawi “Jim”, “alif”, “wau” dan “ya” di bawah. Perhatikan juga kedudukan huruf-huruf ini yang digabungkan dalam garis duduk dan rumah masing-masing.



## SIRI KE-5

### Penyambungan / Perangkaian Huruf

Sama seperti sistem bahasa Arab, tulisan Jawi tidak ditulis secara tunggal atau berdiri sendiri. Kita tidak menulis perkataan "labu" terpisah-pisah dalam tulisan Jawi seperti yang berikut:

ل ا ب و = و + ب - ا + ل

Tulisan Jawi ditulis bersambung atau berangkai seperti yang berikut:



Contoh berikut disusun berasaskan padanan rumi dengan Jawi disebabkan kelaziman huruf-huruf rumi yang lebih mendominasi media.

**Tata Penulisan Jawi**

Sama seperti sistem bahasa Arab, tulisan Jawi ditulis dari kanan ke kiri.

Kiri ←------------------ Kanan

تولیسن جاوي مروڤاکن واريثن بودايا اورڠ
ملايو. اي دأعتراف سباݢاي واريثن بودايا تيدق

Sistem tulisan Jawi juga tidak mempunyai huruf besar atau huruf kecil seperti tulisan rumi. Setiap huruf, sama sahaja bentuknya di mana sahaja kedudukannya.

تولیسن جاوي مروڤاکن واريثن بودايا اورڠ ملايو.
اي دأعتراف سباݢاي واريثن بودايا تيدق ڤات.

Perhatikan huruf "ت" dan huruf "ا", kedua-duanya tidak ditulis dengan huruf besar.

Selain itu, dalam sistem tulisan rumi, kata seperti sendi nama yang menunjukkan tempat atau arah atau kata sendi majmuk, yang ditulis berpisah daripada kata nama hendaklah ditulis rapat dalam tulisan Jawi, contohnya seperti yang berikut:

كأيڤوه | كتڤي | دمان | دأنتارا

## SIRI KE-6

### Kelompok Huruf

Berasaskan ciri-cirinya, huruf Jawi boleh dibahagikan kepada 4 kelompok. Perubahan bentuk huruf akan berlaku apabila dirangkaikan dengan huruf yang lain seperti yang berikut:

#### Huruf Pemutus

Ada 7 huruf yang boleh bersambung sebelum tetapi tidak boleh bersambung selepas huruf tersebut iaitu:

ا د ذ ر ز و ۏ



Bagi tujuan pengajaran, terutama bagi anak-anak yang baru belajar menyambung huruf selepas huruf pemutus ini boleh diletakkan tanda negatif (-). Tanda negatif ini melambangkan huruf-huruf pemutus yang tidak boleh disambung dengan huruf lain.

## Huruf Perangkai

Ada 27 huruf dalam kelompok kedua ini yang boleh bersambung sebelum dan selepasnya seperti huruf yang berikut:

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| چ | خ | ح | ج | ث | ت | ب |
| ع | ظ | ط | ض | ص | ش | س |
| ݢ | ک | ق | ڤ | ف | ڠ | غ |
| | ڽ | ي | ه | ن | م | ل |




Bagi tujuan pengajaran, terutama bagi anak-anak yang baru belajar menyambung huruf, selepas huruf perangkai ini bolehlah diletakkan tanda positif (+). Tanda positif ini melambangkan huruf-huruf perangkai yang boleh disambung dengan huruf lain.

Bentuk huruf Jawi ini berubah-ubah bergantung kepada kelompoknya dan kedudukannya sama ada di awal, di tengah ataupun di hujung perkataan. Berikut contoh ditulis secara bersambung dan tidak bersambung dalam satu perkataan seperti yang berikut:



## SIRI KE-7

### Huruf Berumah

Huruf berumah hanya huruf "ء". Kelompok huruf ini tidak boleh bersambung sebelum dan selepas. Biasanya huruf "ء" mempunyai rumah atau menumpang huruf alif atau menumpang huruf "ي" terutama bagi mengeja kata serapan Arab, contohnya:

| | | | |
|---|---|---|---|
| مسئله | إسلام | فريكوئنسي | سأيبو |

Walau bagaimanapun bagi mengeja kata Melayu jati dan kata serapan Inggeris, huruf "ء" biasanya duduk di awang-awangan seperti yang berikut.

| | | | |
|---|---|---|---|
| کوءيه | باءوڠ | لاءين | چاءير |

Kedudukan Hamzah




Huruf hamzah seperti di atas, biasanya ditulis pada paras pertengahan atau tiga suku ketinggian huruf alif. Saiznya hendaklah besar. Jangan menggunakan *superscript* untuk meninggikan huruf hamzah.

كدودوقن همزة

# بائيق

حروف همزة سڤرتي دأتس، بياساڽ دتوليس ڤد ڤارس ڤرتڠهن اتاو تيڬ سوکو کتيڠڬين حروف اليف. سائيزڽ هندقله بسر.

## سيري ک- 7

حروف برومه

حروف برومه هاڽ حروف "ء". كلومڤوق حروف اين تيدق بوليه برسامبوڠ سبلوم دان سلڤس. بياساڽ حروف "ء" ممڤوڽاءي رومه اتاو منومڤڠ حروف "اليف" اتاو منومڤڠ حروف "ي" تراوتام باݢي ڤڠيجا كات سرڤن عرب چونتوهڽ:

| | | | |
|---|---|---|---|
| سأيبو | فريكوئنسي | إسلام | مسئله |

والاو باݢايماناڤون باݢي ڤڠيجا كات ملايو جاتي دان كات سرڤن ايڠݢريس، حروف "ء" بياساڽ دودوق دأوڠ-اوڠن سڤرتي يڠ برايكوت.

| | | | |
|---|---|---|---|
| چاءير | لاءين | باءوڠ | كوءيه |




باڬي توجوان ڤڠاجرن، تراوتام باڬي انق٢ يڠ بارو بلاجر مڠنل حروف، سلڤس حروف ڤرڠكاي اين بوليهله دلتقكن تندا ڤوسيتيف (+). تندا ڤوسيتيف اين ملامبڠكن حروف٢ ڤرڠكاي يڠ بوليه دسامبوڠ دڠن حروف لاٴين.

بنتوق حروف جاوي اين براوبه-اوبه برکنتوڠ کڤد کلومڤوقڽ دان کدودوقنڽ سام اد دأول، دتڠه اتاوڤون دهوجوڠ ڤرکاتاٴن. برايکوت چونتوه دتوليس سچارا برسامبوڠ دان تيدق برسامبوڠ دالم ساتو ڤرکاتاٴن سڤرتي يڠ برايکوت:



باڬي توجوان ڤڠاجرن، تراوتام باڬي انق٢ يڠ بارو بلاجر مڽامبوڠ حروف، سلڤس حروف ڤموتوس بوليه دلتقکن تندا نيڬاتيف (-). تندا نيڬاتيف اين ملامبڠکن حروف٢ ڤموتوس يڠ تيدق بوليه دسامبوڠ دڠن حروف لاءين.

## حروف ڤرڠکاي

اد 27 حروف دالم کلومڤوق کدوا اين يڠ بوليه برسامبوڠ سبلوم دان سلڤسڽ سڤرتي حروف يڠ برايکوت:

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| چ | خ | ح | ج | ث | ت | ب |
| ع | ظ | ط | ض | ص | ش | س |
| ڬ | ک | ق | ڤ | ف | ڠ | غ |
| | ڽ | ي | ه | ن | م | ل |

# سيري ک- 6

## كلومڤوق حروف

براساسكن چيري-چيريڽ، حروف جاوي بوليه دبهاݢيكن كڤد 4 كلومڤوق. ڤراوبهن بنتوق حروف اكن برلاكو اڤابيلا درڠكايكن دڠن حروف يڠ لاٴين سڤرتي يڠ برايكوت:

### حروف ڤموتوس

اد 7 حروف يڠ بوليه برسامبوڠ سبلوم تتاڤي تيدق بوليه برسامبوڠ سلڤس حروف ترسبوت ياٴيت:

ا | د | ذ | ر | ز | و | ۏ



ڤرهاتيكن حروف "ت" دان حروف "ا"، كدوا-دواڽ تيدق دتوليس دڠن حروف بسر.

سلاٴين ايت، دالم سيستم توليسن رومي، كات سڤرتي سندي نام يڠ منونجوقكن تمڤت اتاو اره اتاو كات سندي مجموع، يڠ دتوليس برڤيسه درڤد كات نام هاروس دتوليس راڤت دالم توليسن جاوي، چونتوهڽ سڤرتي يڠ برايكوت:

| | | | |
|---|---|---|---|
| كأيڤوه | كتڤي | دمان | دأنتارا |

چونتوه برايكوت دسوسون براسسكن ڤادنن رومي دڠن جاوي دسببكن كلازيمن رومي يڠ لبيه مندوميناسي ميديا.

## تاتا ڤنوليسن جاوي

سام سڤرتي سيستم بهاس عرب، توليسن جاوي دتوليس دري كانن ككيري.

كانن ← كيري

توليسن جاوي مروڤاكن واريثن بودايا اورڠ ملايو.
اي دأعتراف سباݢاي واريثن بودايا تيدق ڤات.

سيستم توليسن جاوي جوݢ تيدق ممڤوڽاءي **حروف بسر اتاو حروف كچيل** سڤرتي توليسن رومي، ستياڤ حروف سام سهاج بنتوقڽ دمان سهاج كدودوقنڽ.

توليسن جاوي مروڤاكن واريثن بودايا اورڠ ملايو.
اي دأعتراف سباݢاي واريثن بودايا تيدق ڤات.

# سيري ك-5

## ڤپامبوڠن/ ڤرڠكاين حروف

سام سڤرتي سيستم بهاس عرب، توليسن جاوي تيدق دتوليس سچارا توڠݢل اتاو برديري سنديري. كيت تيدق منوليس ڤركتاٴن "لابو" دالم توليسن جاوي سڤرتي يڠ برايكوت:

ل + ا - ب + و = ل ا ب و

توليسن جاوي **دتوليس سچارا برسامبوڠ اتاو برڠكاي** سڤرتي يڠ برايكوت:



كسالهن جوك برلاكو اڤابيلا حروف٢ برتياڠ دأڠكڤ سباݢاي حروف مد سڤرتي حروف "ط" دان "ظ". تياڠ دأتس حروف ترسبوت بوكنله حروف اليف. دالم القرءان حروف اين تيدق دباچ دڠن مد. ڤركاتاٴن سڤرتي "بطل" دان "طلاق" تيدق دباچ دڠن ڤنجڠ.

رڠكاين حروف برسامبوڠ



| | | |
|---|---|---|
| 9 | ع، غ، ڠ | حروف کڤالا مڠاڠا دان ڤيڤيه |
| 10 | ف، ڤ | حروف برکڤالا دان برتاڤق داتر |
| 11 | ق | حروف برکڤالا دان برتاڤق لڠکوڠ |
| 12 | ک، ݢ | حروف تڠق دان برتڠکاي |
| 13 | م | حروف برايکور دان برکڤالا |
| 14 | ن، ي، ى، ڽ | حروف برتاڤق لڠکوڠ تنڤا کڤالا |
| 15 | و، ۏ | حروف برايکور دان برکڤالا |
| 16 | ه، ة | حروف برڤروت تنڤا ݢيݢي |
| 17 | ء | حروف بروماه |

## سبوتن حروف جاوي

کاءيتن يڠ راڤت انتارا حروف٢ جاوي دڠن حروف٢ القرءان تيدق بوليه دڤيسهکن. اوليه يڠ دمکين حروف٢ جاوي هندقله دبوڤيکن سڤرتي سکريڤ عرب. کسالهن کرڤ برلاکو اڤابيلا ڤڠمل جاوي کاکل ممبيذاکن انتارا سبوتن اونتوق حروف دڠن بوڤي حروف يڠ برباريس.

## سيري ک-4

### مڠنل صيفت٢ حروف جاوي

صيفت اتاو بنتوق حروف جاوي اين دبنتوق سچارا توڬڬل. اڤابيلا حروف جاوي اين دتوليس سچارا برڠكاي دڠن حروف لا٤ين، مک صيفتڽ اکن مڠالمي ڤراوبهن سقرتي يڠ برايكوت:

| بيلڠن | کلومڤوق حروف | صيفت حروف |
|---|---|---|
| 1 | ا ، ل | حروف برتياڠ |
| 2 | ب، ت، ث | حروف ترباريڠ (برتاڤق داتر تنڤا کڤالا) |
| 3 | ج، چ، ح، خ | حروف برکڤالا تيروس |
| 4 | د، ذ | حروف برسيکو |
| 5 | ر، ز | حروف برايکور تنڤا کڤالا |
| 6 | س، ش | حروف برݢريݢيس (برݢيݢي) |
| 7 | ص، ض | حروف برݢيݢي برڤروت کمڤيس |
| 8 | ط، ظ | حروف برتياڠ دان برڤروت |

## سيري ک- 3

### مغنل ݢاريس دودوق حروف جاوي

مغنل ݢاريس دودوق سسواتو حروف اکن ممبنتو کيت منوليس، ممبنتوق دان مڤمبوۏ حروف جاوي دڠن باءيق. سبلوم منوليس، ايلوق کيت ممبايڠکن ساتو ݢاريس داسر، تيݢ ݢاريس اتس دان دوا ݢاريس باوه. سڤرتي يڠ برايکوت:

3 ݢاريس اتس

ݢاريس داسر

2 ݢاريس باوه

سبنرڽ، حروف "ڽ" مروڤاكن حروف يڠ ايستيميوا. بايڠكن، ساتو تاجوق خصوص دڤرلوكن اونتوق ممهمكن حروف "ڽ" سهاج. ڤرهاتيكن كدودوقن حروف "ڽ" يڠ براوبه كتيک توڠڬل، دڤڠكل كات، دتڠه دان دأخير:

دڤڠكل كات، تيتيقڽ دباوه

ڽاڽي | ڽوڽا | ڽاريڠ

دتڠه كات، تيتيقڽ دباوه

سڽڤ | لڽڤ | باڽق

دأخير كات دان حروف توڠڬل، تيتيقڽ دأتس

ڤسنڽ | تاڽ | هاڽ

ل ک ک ق م ن و ف

ه ء ي ى ڽ

بيذا بنتوق حروف "ک"

ڤرهاتيکن ڤربيذاءن انتارا حروف کاف عرب دڠن حروف کاف جاوي. حروف کاف عرب داتڠ برساما-ساماڽ بنتوق حروف کاف برتڠکاي دڤروتڽ، ماناکالا حروف کاف جاوي تنڤا کاف کچيل سڤرتي يڠ برايکوت:

ک عرب    ک جاوي

کدودوقن تيتيق حروف "ڽ"

سوءالن يڠ سريڠ دتاڽ اوليه ڤڠݢونا جاوي ايالهس کناڤ حروف "ڽ" تيدق داتڠ سلڤس حروف "ن" تتاڤي دلتقکن ڤد کدودوقن يڠ تراخير؟

## سيري ک- 2

### حروف ݢوبهن ملايو

اد 6 حروف ݢوبهن ملايو. حروف اين دچيڤتا باݢي ملامبڠکن بوپي کونسونن ملايو جاتي دڠن ممينجم بنتوق حروف عرب يڠ دأوبهسواي تنندا تيتيقڽ سڤرتي يڠ برايکوت:

| چ | ڠ | ڤ | ݢ | ۏ | ڽ |
|---|---|---|---|---|---|
| c | ng | p | g | v | ny |

ڤرهاتيکن **کدودوقن سوسونن حروف ݢوبهن ملايو** دباوه سوڤايا تيدق ترساله ملتقکن کدودوقنڽ براساسکن بنتوق حروف دان تيتيقڽ.

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| ا | ب | ت | ة | ث | ج | چ | ح |
| خ | د | ذ | ر | ز | س | ش | ص |
| ض | ط | ظ | ع | غ | ڠ | ف | ڤ |

## حروف جاوي اتورن زعبا

حروف جاوي يڠ دسوسون اوليه زعبا دالم بنتوق توڠݢل مڠاندوڠي 33 حروف سڤرتي يڠ برايكوت:

ا ب ت ث ج چ ح

خ د ذ ر ز س ش

ص ض ط ظ ع غ ڠ

ف ڤ ق ك ݢ ل م

ن و ه ي ڽ

سلاءين جومله بيلڠن حروف جاوين يڠ بربيذا، ڤرهاتيکن جوک بنتوق حروف "ك" دان "ݢ" يڠ بربيذا بنتوقڽ دڠن حروف "ك" دان "ݢ" ڤد هاري اين. بنتوق اصلڽ سڤرتي يڠ برايكوت:



ڤرهاتيكن حروف همزة دالم كلومڤوق حروف عرب دأتس. همزة مروڤاكن حروف يڠ ڤرتام دالم حروف هجائية جك دسوسون مڠيكوت مخرج. ڤد ڤريڠكت اول، حروف همزة تيدق ممڤوڽاءي لامبڠ ترتنتو سهيڠݢاله الخليل بن احمد الفراهيدي ملتقكن لامبڠ كڤالا حروف عين دسببكن مخرج كدوا-دوا حروف برهمڤيرن.

## حروف جاوي

براساسكن بوكو دفتر كات بهاس ملايو رومي - سبوتن - جاوي، ايديسي كدوا، ابجد جاوي دالم بنتوق توڠݢل ترديري درڤد 37 حروف سڤرتي يڠ برايكوت:

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| ا | ب | ت | ة | ث | ج | چ | ح |
| خ | د | ذ | ر | ز | س | ش | ص |
| ض | ط | ظ | ع | غ | ڠ | ف | ڤ |
| ل | ک | ݢ | ق | م | ن | و | ۏ |
| ه | ء | ي | ى | ڽ | | | |

# سيري 1

## مغنل حروف جاوي

### حروف عرب

منوروت خليل بن احمد[1] دان علماء نحو سڤرتي ابن الجزري، اد 28 حروف عرب. برايكوت اياله كلومڤوق حروف يغ دسوسون مڠيكوت بنتوق حروف (هجائية) ياءيت سڤرتي يغ برايكوت:

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| ء | ب | ت | ث | ج | ح | خ |
| د | ذ | ر | ز | س | ش | ص |
| ض | ط | ظ | ع | غ | ف | ق |
| ك | ل | م | ن | و | ه | ي |

---

[1] أبو عبد الرحمن، الخليل بن أحمد الفراهيدي (791 – 718) اتاو لبيه دكنلي سباڬاي الفراهيدي، مروڤاكن ساله سأورڠ ڤاكر علمو فيلولوڬي دان ليكسيكوڬرافي بهاس عرب. بلياو توكوه يڠ ڤرتام منجومڤاءي اتورن ڤروسودي، يڠ مروڤاكن ساتو سني چيڤتاءنڽ. بلياو ملتقكن اساس بهاس دالم بوكوڽ "العين"

نوتا كلينيك جاوي

سمارق جاوي سمارق جاتي ديري

ڤربيذاءن ڤنداڤت سکلينتير ڤيهق. کادڠ٢ ڤوکوق ڤڠکلڽ برڤونچا کران ککاکلن مريک ممهمي سيستم ايجاءن جاوي ايت سنديري.

اڤاڤون، کتيک توليسن جاوي هاري اين سماکين ترڤروسوق، رنتيڠ٢ کچيل اين هاروس سکرا دچنتس اکر باتڠڽ کلق تکڤ سوبور منوڤڠ ريبوت کلوباليساسي دان داءونڽ هيجاو مريمبون مندوهکن اکام، بهاس، بڠسا دان نکارا ترچينتا.

سموک سلڤس اين ڤرانن ميديا مسسا تراوتاماڽ ميديوم يڠ لبيه لواس چاڤايڽ سڤرتي تيليۏيشن بوليه ممبنتو ممارقکن مينت مشارکت مليسيا کڤد توليسن جاوي.

حاج عزمن حاج احمد

ڤمبيمبيڠ کلينيک جاوي ايکيم ايف. عيم

2012 - 2013

باڤي ساي، رانچڠن كلينيك جاوي درراديو ايكيم. ايف. عيم منچاتت سجاره ڤنتيڠ دالم دنيا ڤنڀيارن ڽكارا. دالم تيمڤوه يڠ ترحد انتارا 30-15 مينيت برسيارن كأودارا، مراموكن تاجوق يڠ ماهو دبينچڠ دڠن لاتيهن سرتا مراعيكن ڤڠڬيلن تيليفون درڤد ڤندڠر سديكيت ملڽهكن. اوليه يڠ دمكين، ستياف كالي برسيارن، نوتا٢ ڤمبلاجرن كلينيك جاوي دموات ناٴيق كلامن سسواڠ ف.ن.م سباڬاي ڤندوان كڤد ڤارا ڤندڠر راديو. سلاٴين منجادي رجوعن كڤد ڤندڠر يڠ ترلڤس مڠيكوتي سيارنڽ، نوتا٢ ڤمبلاجرن كلينيك جاوي منجادي ڤوست سهنتي كڤد خلايق اونتوق ممبوات رجوعن دڠن قدر چاڤاين يڠ تيڠڬي ستياف بولن.

تاجوق يڠ دسمڤايكن تله دسوسون مڠكوناكن مودول خصوص منروسي ڤدومن ايجاٴن جاوي يڠ دسمڤورناكن (ڤاجيد). راماي يڠ تيدق مڠتاهوٴي بهاوا سيستم ايجاٴن جاوي زعبا تتف تروس منجادي اساس دان داسر كڤد سيستم ايجاٴن جاوي تركيني يڠ دسمڤورناكن. ڤرسيڤسي يڠ ساله ترهادڤ اوسها٢ ڤمودنن سيستم ايجاٴن جاوي اين داڤت دجلسكن دڠن باٴيق. سواتو يڠ لومره اڤابيلا تيمبولڽ

انچيق صفيان بن امرين، ڤڤامڤاي راديو ايکيم. ايف. عيم سنديري. سيارن اولڠنڽ ڤولا ڤد ستياڤ هاري احد جم 10.00 مالم.

دالم تيمڤوه ليم ديکد ڠکارا کيت مرديک، ميديوم ايليکترونيک تراوتاماڽ تيليۏيشن، باءيق ميليق کراجاءن ماهوڤون سواستا دڠکارا اين سديکيت ساڠت ممبنتو ممڤارقکن اڤاته لاڬي ممڤرکوکوهکن توليسن جاوي سباڬاي وهان ڤمبلاجرن. ڤروڬرم ڤرتام يڠ داتڠ دري کدوڠ رانچڠن ر.ت.م اياله بلاجر توليسن جاوي يڠ ڤرنه برسيارن ڤد 1977-1976 دسالورن ساتو دان دوا ر. ت. م. ڤد تاهون 1995 باروله مونچول سبواه لاڬي ڤروڬرم لاءين ياءيت بلاجر جاوي. ايت ڤون ستله ر.ت.م موجودکن اونيت اڬام دان دعوة. ڤروڬرم بلاجر جاوي هاڽ برتاهن ستاهون سهاج. کرجاسام ر.ت.م - جاکيم دتروسکن دڠن موجودکن ڤروڬرم ڤنداي جاوي، يڠ دسيارکن دتيۏي1 اوليه محمد @ مختار طالب (مطلوب) ڤد تاهون 1997- 1996. 14 تاهون برايکوتڽ باروله ڤروڬرم ڤڠاجرن توليسن جاوي دباوا ککخلايق سمولا اوليه تيۏي 9 دباوه شريکت سواستا ميديا ڤريما.

# ڤندهولوان

بسم الله الرحمن الرحيم

منفعة ميديا مسسا سڤرتي تيليۏيشن، راديو، سورت خبر، مجله، لامن سساوڠ دان سباڬاين دأكوءي داڤت ميمڤايکن ڤروسيس ڤڠاجرن ڤمبلاجرن جاوي سچارا لبيه دکت کڤد خلايق ماله ممڤو مرنتس سمڤادن ݢيوݢرافي. ڤمبلاجرن جاوي منروسي راديو مروڤاکن ڤڠالمن بارو باݢي ساي. تنڤا تيک س، تنڤا ݢرافيک اتاو سکرين هاڽ بربکلکن اءوديو، ممرلوکن کرياتيۏيتي يڠ تيڠݢي اونتوق منيڠکتکن کبرکسنن ڤمبلاجرن کڤد مشارکت تراوتاماڽ ڤارا ڤندڠر راديو.

شکور الحمدلله منروسي کرجاسام ڤينتر انتارا ڤرڤوستاکاءن نڬارا مليسيا دڠن راديو اينستيتوت کفهمن إسلام مليسيا (ايکيم ايف. عيم)، ڤد 2 جون 2013 رانچڠن کلينيک جاوي دراديو ايکيم ايف. عيم تله برسيارن ڤد ستياڤ هاري سبتو، جم 10.00 ڤاݢي دڠن دبنتو اوليه راکن بلاجر

دڠن منربيتكن كمبالي سيري ڤمبلاجرن منروسي بوكو اين دان ستروسڽ داڤت دمنفعتكن اوليه اورڠ راماي اونتوق مهماي راس چينتا كڤد ڤنوليسن دان ڤمباچاءن جاوي يڠ سچارا تيدق لڠسوڠ منجاديكن مريک چليق القرءان.

سكالي لاڬي اوچڤن تهنيئه كڤد ڤرڤوستاكاءن نڬارا مليسيا (ڤ.ن.م.)، كمنترين ڤلنچوڠن دان كبوداياءن (ک.ڤ. ک.) مليسيا، دان ديوان بهاس دان ڤوستاک (د.ب.ڤ.) اتس اوسها منجاياكن ڤروڬرم كلينيک جاوي دأيكيم ايف. عيم. تيدق كتيڠڬلن، ڤڠندالي رانچڠن استاذ حاج عزمن دان دي. جيه. صفيان امرين.

ساي دعاءكن ملالوءي اوسها اين مشاركت كيت اكن سماكين چليق جاوي دان سكاليڬوس چليق القرءان، إن شاء الله.

**دوكتور نئ روسكيمن بن عبدالصمد**
ڤڠاره ڤوست ميديا ايكيم
اينستيتوت كفهمن إسلام مليسيا

ڤد اولڠ ساي اڬق راڬو٢ دڠن چادڠن ڤنربيتن رانچڠن اين، نامون ستله رانچڠن اين برسيارن همڤير دوا تاهون، تربوات اي امت مناريق دان تله ممڤو منيڠكتكن ڤندڠر ايكيم ايف. عيم ستياڤ موسيم برسيارن. كقواتن رانچڠن اين ڤد هيمت ساي ترلتق ڤد كڤيتهن دان ڤندكتن سنتاي استاذ حاج عزمن دان دي. جيه. صفيان.

سلاٴين ايت، ڤنربيتن ڤروڬرم كلينيك جاوي دأيكيم ايف. عيم مپدياكن رواڠ كڤد مشاركت مڠيكوتي سيسي ڤمبلاجرن جاوي سچارا تيدق فورمل دان ممبري ڤنددهن كڤد مشاركت مڠناٴي قاعده ڤمبلاجرن توليسن جاوي يڠ دسمڤورناكن اوليه ديوان بهاس دان ڤوستاک.

سيارن ڤرتام ڤروڬرم كلينيك جاوي يڠ تله كأودارا ڤد سبتو، 2 جون 2012 تله منداڤت معلوم بالس ڤوسيتيف درڤد ڤندڠر ايكيم ايف. عيم سڤنجڠ انم موسيم ڤنربيتنڽ كران اي مروڤاكن ساله ساتو ڤلتفورم اونتوق منديديق مشاركت مڠنلي دان ممڤلاجري توليسن جاوي سچارا سنتاي.

باڬي ڤيهق ايكيم ايف. عيم، ساي مڠهرڬاٴي اوسها اونتوق مپيبرلواسكن قاعده ڤمبلاجرن جاوي اوليه ڤ.ن.م.

# ڤراكات

## ڤغاره ڤوست ميديا ايكيم

**بسم الله الرحمن الرحيم**

سكالوڠ اوچڤن تهنيئه كڤد ڤيهق ڤرڤوستاكاءن نݢارا مليسيا (ڤ.ن.م.) اتس ڤنربيتن بوكو 'قاعده ڤمبلاجرن جاوي ڤريڠكت اساس'. بوكو اين دتوليس سمولا اوليه توان حاج عزمن احمد سلاكو ڤمبيمبيڠ رانچڠن كلينيک جاوي يڠ تله كأودارا دأيكيم ايف. عيم برسام ڤيمڤاي ايكيم ايف. عيم، دي. جيه. صفيان امرين سلاما انم موسيم، سجق 2 جون 2012 هيڠݢ 30 نوۏيمبر 2013.

ڤيهق ڤ. ن. م. دڠن كرجاسام د.ب.ڤ. تله مڠمبيل لڠكه ستراتيݢيک دڠن مميليه ڤيارن راديو خصوصڽ ايكيم ايف. عيم سباݢاي ميديوم اونتوق مپمارقكن سمولا ڤمبودياءن توليسن جاوي دمليسيا. سلارس دڠن متلامت ڤنوبوهن ايكيم ايف. عيم ياءيت 'منديديق، مڠهيبور دان ممبري معلومت'، ايكيم ايف. عيم سنتياس براوسها مپياركن ڤروݢرم٢ يڠ ممنوهي متلامت اين.

يغ سوكر دداڤتي دڤاسرن. موك اوسها اين اکن منجادي ݢالقن كڤد ڤنربيت٢ بوكو مغمبيل لغكه يغ سام دالم ممبودايا دان ممرتبتكن توليسن جاوي دمليسيا.

حاجة نفيسة بنت احمد
كتوا ڤڠاره
ڤرڤوستاکاءن نݢارا مليسيا

سمبوتن يڠ مڠݢالقکن درڤد مشارکت اونتوق مندالمي دان ممڤلاجري توليسن جاوي سماس بيڠکيل کلينيک جاوي، مندوروڠ ڤ.ن.م. ممباوا کلينيک جاوي کراديو ممندڠکن قاعده ڤيڤارن لبيه برکسن دالم مناريق مينت مشارکت ممڤلاجري توليسن جاوي. اوليه يڠ دمکين، ڤ.ن.م. تله منجالينکن کرجاسام دڠن راديو اينستيتوت کفهمن اسلام مليسيا (ايکيم ايف. عيم) مولاءي 2 جون 2012 دڠن مناج رانچڠن کلينيک جاوي دراديو ايکيم ايف. عيم يڠ برسيارن ستياڤ سبتو جم 10.00 ڤاݢي دباوه بيمبيڠن توان حاج عزمن بن حاج احمد، ڤڠاواي ڤرانچڠ بهاس درڤد د. ب. ڤ. سلاءين برسيارن دراديو، ڤ.ن.م. جوݢ تله مموات ناءيق نوتا٢ ڤمبلاجرن جاوي دلامن سسواڠ ڤ.ن.م سباݢاي ڤندوان کڤد ڤارا ڤندڠر راديو.

اوسها برتروسن ڤ.ن.م. دالم ميبرلواس توليسن جاوي دکمبڠکن لاݢي دڠن منربيتکن نوتا٢ کلينيک جاوي دالم بنتوق ڤنربيتن بوکو يڠ ترسوسون دان موده دأيکوتي. جوتاءن تريما کاسيه ساي کڤد توان حاج عزمن حاج احمد، سلاکو ڤڠارڠ بوکو اتس اوسها يڠ برسوڠݢوه-سوڠݢوه برسام ڤ.ن.م. ممبيمبيڠ مشارکت ممڤلاجري قاعده توليسن جاوي

# ڤراكات

## كتوا ڤڠاره ڤرڤوستاكاءن نڬارا مليسيا

بسم الله الرحمن الرحيم
سڬالا ڤوجي دان شكور دڤنجتكن هاڽ كڤد يڠ اسا كران دڠن ايذينڽ داڤت ساي مراقامكن سڤاته دوا كات دالم بوكو 'قاعده ڤمبلاجرن جاوي ڤريڠكت اساس' اين.

ڤرڤوستاكاءن نڬارا مليسيا سلاكو اوروس ستيا ڤريڠكت كبڠساءن ڤمبوداياءن توليسن جاوي، ڬيات منجالنكن ڤلباڬاي ڤروڬرم دان اكتيۏيتي براساسكن جاوي سمنجق تاهون 2006. سموا ڤروڬرم دان اكتيۏيتي اين دجالنكن دڠن حسرت ممارق دان مڤوبوركن سمولا توليسن جاوي دمليسيا. جوسترو ايت، باڬي مرياليساسيكن حسرت ترسبوت، ڤرڤوستاكاءن نڬارا مليسيا (ف.ن.م) تله منجالينكن كرجاسام دڠن ديوان بهاس دان ڤوستاك (د.ب.ف) دڠن مڠاداكن بيڠكيل كلينيک جاوي مولاءي 2006 اونتوق كاكيتاڠن كراجاءن دان اورڠ عوام.

سيري ک- 62 سامبوڠن کات ايمبوهن اخيرن 135

سيري ک- 63 سامبوڠن کات ايمبوهن اخيرن 136

سيري ک- 64 سامبوڠن کات ايمبوهن اخيرن 137

سيري ک- 65 سامبوڠن کات ايمبوهن اخيرن 138

سيري ک- 66 ايمبوهن باڬي کات داسر اخيرن ترتوتوف 141

سيري ک- 67 ايمبوهن اخيرن "ءي" 143

سيري ک- 68 اولن سرڤن 145

سيري ک- 69 سامبوڠن اولن سرڤن 146

سيري ک- 70 سامبوڠن اولن سرڤن 147

سيري ک- 71 راجه ريڠکس اولن سرڤن 148

سيري ک- 72 راجه ريڠکس اولن سرڤن 149

سيري ک- 73 راجه ريڠکس اولن سرڤن 150

سيري ک- 74 ڬابوڠن کات 152

سيري ک- 75 سامبوڠن ڬابوڠن کات 153

سيري ک- 76 سامبوڠن ڬابوڠن کات 154

سيري ک- 77 کات ݢندا 156

سيري ک- 78 کات ݢندا سبهاݢين 157

سيري ک- 45 حکوم کاف دان ک 108
سيري ک- 46 لمقاو حکوم کاف دان ک 110
سيري ک- 47 سامبوڠن لمقاو حکوم کاف دان ک 111
سيري ک- 48 حکوم راما 112
سيري ک- 49 حکوم تيک سوکو کات دان لبيه 114
سيري ک- 50 سامبوڠن حکوم تيک سوکو کات دان لبيه 115
سيري ک- 51 سامبوڠن حکوم تيک سوکو کات دان لبيه 116
سيري ک- 52 سامبوڠن حکوم تيک سوکو کات دان لبيه 117
سيري ک- 53 حکوم A/HA 118
سيري ک- 54 کات جادين 120
سيري ک- 55 مڠنل کات هوموݢرف 122
سيري ک- 56 سامبوڠن هوموݢرف 123
سيري ک- 57 اليف ڤمبيذا 124
سيري ک- 58 مڠنل کات نام تربيتن 127
سيري ک- 59 جنيس کات ايمبوهن 129
سيري ک- 60 سامبوڠن کات ايمبوهن 132
سيري ک- 61 ايمبوهن اخيرن 134

| | |
|---|---|
| سيري ک- 28  سامبوغن مغنل كات داسر | 67 |
| سيري ک- 29  مغنل قاعده ايكاسوكو | 69 |
| سيري ک- 30  مغنل قاعده دوا سوكو كات | 72 |
| سيري ک- 31  قاعده e/wa | 75 |
| سيري ک- 32  قاعده KT12 + a / a | 78 |
| سيري ک- 33  سامبوغن قاعده KT12 + a / a | 80 |
| سيري ک- 34  سامبوغن قاعده KT12 + a / a | 81 |
| سيري ک- 35  سامبوغن قاعده KT12 + a / a | 83 |
| سيري ک- 36  لمڠاو قاعده KT12 + a / a | 84 |
| سيري ک- 37  لمڠاو قاعده KT12 + a / a | 86 |
| سيري ک- 38  چارا اونتوق مڠاتور اتاو منمبه فورمت جاوي | 87 |
| سيري ک- 39  جنيس٢ ايجاٴن | 98 |
| سيري ک- 40  ايجاٴن لازيم | 100 |
| سيري ک- 41  همزة سيسيڤن | 102 |
| سيري ک- 42  ايجاٴن تراديسي | 104 |
| سيري ک- 43  سيسيڤن حروف ۏوكل | 105 |
| سيري ک- 44  حكوم د رل و ڠ | 106 |

سيري ک- 13 چونتوه٢ ڤنومبورن 35

سيري ک- 14 ڤرلامبڠن بوڤي ۏوکل 40

سيري ک- 15 مڠنل سوکو کات تربوک 43

سيري ک- 16 مڠنل سوکو کات ترتوتوڤ 45

سيري ک- 17 مڠنل ۏوکل [e] ڤڤت 47

سيري ک- 18 ڤرلامبڠن بوڤي ديفتوڠ [au] 49

سيري ک- 19 ڤرلامبڠن بوڤي ديفتوڠ [ai] دان [oi] 51

سيري ک- 20 ڤرلامبڠن بوڤي کونسونن 54

سيري ک- 21 کونسونن [k] 57

سيري ک- 22 سامبوڠن ڤرلامبڠن بوڤي کونسونن 59

سيري ک- 23 ڤادنن حروف کونسونن باڬي مڠيجا کات سرڤن ايڠکريس 60

سيري ک- 24 سامبوڠن مڠيجا کات سرڤن ايڠکريس 61

سيري ک- 25 سامبوڠن مڠيجا کات سرڤن ايڠکريس 62

سيري ک- 26 سامبوڠن مڠيجا کات سرڤن ايڠکريس 63

# کاندوڠن

ڤراكات كتوا ڤڠاره ڤرڤوستاكاءن نكارا
ڤراكات ڤڠاره ڤوست ميديا ايكيم
كات ڤندهولوان
نوتا جاوي
سيري 1 مڠنل حروف جاوي 1
سيري ك- 2 حروف ڬوبلن ملايو 4
سيري ك- 3 مڠنل ڬاريس دودوق حروف جاوي 7
سيري ك- 4 مڠنل صيفت٢ حروف جاوي 8
سيري ك- 5 ڤڤامبوڠن/ ڤرڠكاين حروف 11
سيري ك- 6 كلومڤوق حروف 14
سيري ك- 7 حروف بروماه 17
سيري ك- 8 حروف دهوجوڠ كات 19
سيري ك- 9 مڠنل تيتيق حروف 21
سيري ك- 10 مڠنل لتق تيتيق دان دودوق حروف 25
سيري ك- 11 مڠنل تندا باچ 28
سيري ك- 12 قاعده ڤنومبورن 32

دتربيتكن اوليه :

ڤرڤوستاكاٴن نڬارا مليسيا

نو. 232، جالن تون رازق

50572 كوالا لمڤور

تيليفون :03-2687 1700

فكس :03-2692 4079

لامن ويب : www.pnm.gov.my

چيتقن ڤرتام 2014
چيتقن كدوا 2015

حق چيڤتا ترڤليهارا. ستياڤ بهاڬين درڤد تربيتن اين تيدق بوليه دتربيتكن سمولا، دسيمڤن اونتوق ڤڠلوارن اتاو دڤيندهكن كڤد بنتوق لاٴين، سام اد دڠن چارا ايليكترونيک، ميكانيک، ڬمبر، راقمن دان سباڬايڽ تنڤا ايذين ڤرڤوستاكاٴن نڬارا مليسيا ترلبيه دهولو.

Perpustakaan Negara Malaysia        Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Azman Haji Ahmad,
KAEDAH PEMBELAJARAN JAWI : PERINGKAT ASAS / Haji Azman bin Haji Ahmad.
Bibliography: pages 153
ISBN 978-967-931-260-7
1. Jawi alphabet--Problems, exercises, etc.  I. Judul.
499.2311076

دچيتق اوليه :
ڤرچيتقن مصباح سند بريان برهاد
نومبور 11، جالن تون ڤيراق 6،
تامن تون ڤيراق، 43200 چراس
سلاڠور دارالاحسان.

تيليفون : 03-9105 6473
فكس : 03-9105 6469
إي-ميل : p.mesbah@yahoo.com
p.mesbah2009@gmail.com

رانچڠن كلينيک جاوي دراديو ايكيم ايف. عيم.

# ڤمبلاجرن ڤاڠد جاوي

## ڤريڠكت اساس


حاج عزمن بن حاج احمد

ڤمبيمبيڠ كلينيک جاوي دراديو ايكيم ايف. عيم.



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

ڤرڤوستاكائن نݢارا مليسيا

كمنترين ڤلنچوڠن دان كبودايائن

كوالا لمڤور

2015

سمارق جاوي

SEMARAK JAWI

رانچڠن كلينيک جاوي درادیو ایکیم ایف. عیم.

# ڤمبلاجرن قاعده جاوي

## ڤريڠكت اساس

رانچڠن کلينيک جاوي درادیو ايکيم ايف. عيم.

# ڤمبلاجرن قاعده جاوي

## ڤريڠکت اساس

حاج عزمن بن حاج احمد

ڤمبيمبيڠ کلينيک جاوي درادیو ايکيم ايف. عيم.